

KUALA LUMPUR, 8 OKT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MEMBERITAHU DEWAN RAKYAT HARI INI BAHAWA SATU STRATEGI, RANCANGAN DAN DASAR-DASAR BARU EKONOMI AKAN DIRANGKA UNTUK MENJAYAKAN LAGI DASAR EKONOMI BARU.

KATANYA USAHA-USAHA ITU BERTUJUAN MENERUSKAN LAGI USAHA-USAHA MENGHAPUSKAN KEMISKINAN DAN MENGATASI MANA-MANA KETIDAKSEIMBANGAN YANG WUJUD.

TEGASNYA, TEMPOH PELAKSANAAN DEB BUKANNYA PENTING TETAPI YANG LEBIH PENTING IALAH USAHA KE ARAH PENCAPAIAN MATLAMATNYA SUPAYA KETIDAKSEIMBANGAN ANTARA KAUM DI NEGARA INI DAPAT DIKURANGKAN LAGI.

KERAJAAN, SEBAGAI WAKIL RAKYAT, AKAN MEMINTA PANDANGAN RAKYAT SEBELUM SESARANG PERLANJUTAN DEB, KATANYA KETIKA MENJAWAB PERTANYAAN ENCIK LEE LAM THYE (DAP-BUKIT BINTANG) YANG INGIN TAHU SEJAUH MANA PELAKSANAAN DEB MENCAPI MATLAMAT UTAMA NEGARA.

ENCIK LEE JUGA INGIN TAHU SAMA ADA KERAJAAN TELAH MEMBUAT KEPUTUSAN MENGENAI PERLANJUTAN DEB DAN SAMA ADA KERAJAAN AKAN MENDAPATKAN PANDANGAN RAKYAT TERLEBIH DAHULU SEBELUM TEMPOHNYA DILANJUTKAN. -- LAGI.

1601MST 08 10 86

0689

U B699 DEB
PARLIMEN - DEB 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA USAHA-USAHA MESTILAH DITERUSKAN SELEPAS 1990 UNTUK MENGHAPUSKAN KEMISKINAN DAN MENYUSUN SEMULA MASYARAKAT BAGI MENCAPI PERPADUAN NEGARA.

BELIAU BERKATA DASAR EKONOMI BARU BERJAYA MENGURANGKAN PERBEZAAN +EKONOMI+ ANTARA KAUM YANG SETERUSNYA MENYUMBANG SECARA POSITIF KE ARAH MATLAMAT PERPADUAN NEGARA.

KATANYA SEJAK DEB DILANCARKAN, KADAR KEMISKINAN DI KALANGAN SEMUA KAUM DI SEMENANJUNG MALAYSIA DAPAT DIKURANGKAN DARIPADA 49 PERATUS PADA 1970 KEPADA 18 PERATUS PADA 1984.

KEMISKINAN DI LUAR BANDAR JUGA BERKURANGAN DARIPADA 59 PERATUS PADA 1970 KEPADA 25 PERATUS PADA 1984 DAN BAGI KAWASAN BANDAR BERKURANGAN DARIPADA 21 PERATUS KEPADA 18 PERATUS UNTUK TEMPOH YANG SAMA, KATA PERDANA MENTERI.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MEMBERI CONTOH BAGAIMANA DEB BERJAYA MERAPATKAN JURANG PENDIDIKAN ANTARA KAUM. -- LAGI.

1605MST 08 10 86

PARLIMEN - DEB 3 KUALA LUMPUR

DALAM BIDANG PEKERJAAN BERPENDAPATAN TINGGI SEPERTI ARKITEK, AKAUTAN DAN JURUTERA, KESELURUHANNYA BUMIPUTERA KINI MENCAPI 21 PERATUS, CINA 62 PERATUS DAN INDIA 14 PERATUS MANAKALA DALAM BIDANG KORPORAT BUMIPUTERA TELAH MENCAPI 18 PERATUS BERBANDING DENGAN 57 PERATUS BAGI BUKAN BUMIPUTERA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA TIDAK DAPAT DINAFIKAN BAHAWA HARI INI SATU TAHAP PERPADUAN TELAH WUJUD DI NEGARA INI HASIL PELAKSANAAN BEBERAPA DASAR TERMASUK DEB.

KEPADA PERTANYAAN TAMBAHAN WAKIL DAP DARI IPOH, ENCIK P.PATTO, BELIAU BERKATA SUKAR UNTUK MEMASTIKAN SAMA ADA DEB AKAN MEMPEROLEHI KEJAYAAN 100 PERATUS KERANA DASAR ITU BELUM LAGI TIBA PADA PENGHUJUNGNYA.

KATANYA TIDAK DAPAT DINAFIKAN BAHAWA PENCAPAIAN DEB TELAH TERJEJAS OLEH KEMELESETAN EKONOMI KERANA PERTUMBUHAN DASAR ITU BERGANTUNG KEPADA KEJAYAAN EKONOMI NEGARA. -- BERNAMA.

1611MST 08 10 86